



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA 2
KOD KURSUS : MPU2123
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH SOALAN (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan pada kertas jawapan objektif.

1. Siapakah yang bertindak sebagai penjaga perbendaharaan semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Bendahara.
 - B Laksamana.
 - C Temenggung.
 - D Penghulu Bendahari.

2. Pada abad yang ke-15, semasa kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, Melaka dikenali di seluruh pelosok dunia kerana aspek-aspek yang berikut, iaitu:
 - i. mempunyai sistem pemerintahan yang tersusun.
 - ii. pusat perdagangan dunia yang menjadi tempat pertembungan pedagang dari Barat, Timur dan Kepulauan Melayu.
 - iii. pusat penyebaran ilmu pengetahuan meliputi Bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan.
 - iv. pusat penyebaran, pendidikan dan anutan agama Hindu dan Buddha.
 - A i, ii
 - B ii, iii
 - C i, ii, iii
 - D ii, iii dan iv

3. Raja Lumu ialah sultan Selangor yang pertama bergelar Sultan Salehuddin Shah. Baginda ialah putera kepada Opu Bugis Lima Bersaudara. Siapakah Opu Bugis tersebut?
 - A Daeng Perani.
 - B Daeng Chelak.
 - C Daeng Marewah.
 - D Daeng Menambun.

4. Satu perjanjian telah ditandatangani yang memberi kesan kepada Empayar Johor-Riau. Namakan perjanjian tersebut.
- A Perjanjian Burney 1826.
 - B Perjanjian Bangkok 1909.
 - C Perjanjian Pangkor 1874.
 - D Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.
5. Penentangan terhadap pentadbiran British di Tanah Melayu adalah disebabkan mereka kehilangan kuasa untuk memungut cukai. Antara pembesar Melayu yang menentang British ialah Dato' Maharajalela dan Tok Gajah. Namakan seorang pembesar yang mengetuai penentangan British di Terengganu.
- A Dol Said.
 - B Tok Gajah.
 - C Haji Mat Hassan.
 - D Haji Abdul Rahman Limbong.
6. Nyatakan sebab utama British ingin membentuk bangsa Malayan Union.
- A Memastikan Tanah Melayu kekal dijajah.
 - B Mengurangkan kuasa politik orang Melayu.
 - C Meneruskan penguasaan British terhadap ekonomi dan politik.
 - D Memberikan hak yang sama rata kepada semua kaum di Tanah Melayu.
7. Dato Onn bin Jaafar telah menubuhkan UMNO pada 11 Mei 1946. Namun demikian beliau akhirnya keluar daripada UMNO pada tahun 1951. Mengapakah beliau bertindak demikian?
- A Ingin bersara daripada kegiatan politik.
 - B Menyerahkan jawatan tersebut kepada Tunku Abdul Rahman.
 - C Cadangan beliau untuk membuka UMNO kepada kaum bukan Melayu ditolak oleh ahli UMNO.
 - D Beliau tidak bersetuju dengan cadangan ahli UMNO untuk membuka keahlian kepada bukan Melayu.

8. Di manakah sambutan pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 diadakan?
- A Padang Bandar Hilir, Melaka.
 - B Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
 - C Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.
 - D Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.
9. Faktor utama Lee Kuan Yew mendesak supaya Singapura digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu adalah disebabkan oleh
- A ancaman komunis.
 - B membantu ekonomi Tanah Melayu.
 - C kekalahan Barisan Sosialis di Singapura.
 - D mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu.
10. Kemasukan kaum India ke Tanah Melayu pada kurun ke-19 telah menyebabkan
- A kuasa politik kaum Cina semakin terancam.
 - B penutupan lebih banyak kawasan perlombongan bijih timah.
 - C orang Sikh dapat berkhidmat sebagai pasukan keselamatan dan polis.
 - D tenaga buruh dalam bidang pekerjaan dan guru dihadkan kepada kaum India sahaja.
11. Kedatangan kaum Cina ke Tanah Melayu pada abad yang ke-19 semakin meningkat dengan berkembangnya kegiatan penanaman lada hitam. Namakan sistem yang digunakan untuk membawa mereka ke Tanah Melayu.
- A Sistem Mandur.
 - B Sistem Kangani.
 - C Sistem Kapitalis.
 - D Sistem Kangchu.

12. Apakah maksud patriotisme?
- A Menjadi sukarelawan negara.
 - B Perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air.
 - C Menjadi warganegara yang taat kepada pemimpin.
 - D Menyanjung tinggi tokoh-tokoh perjuangan terdahulu.
13. Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970. Pihak manakah yang bertanggungjawab merangka Rukun Negara?
- A Suruhanjaya Reid.
 - B Majlis Perpaduan Negara.
 - C Majlis Perundingan Negara.
 - D Kementerian Perpaduan Negara dan Masyarakat.
14. Nyatakan tujuan Integrasi Nasional dilaksanakan di negara kita.
- A Melahirkan satu bangsa beridentiti sama.
 - B Menjamin dan melindungi hak setiap kaum.
 - C Mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab.
 - D Menjadikan negara sebagai sebuah negara contoh.
15. Situasi yang manakah **tidak** menggambarkan perpaduan di Malaysia?
- A Menunaikan tanggungjawab dan hak jiran tetangga.
 - B Memartabatkan kaum sendiri dalam pelbagai bidang.
 - C Amalan kunjung-mengunjungi semasa musim perayaan.
 - D Penyertaan terhadap program amal yang dilaksanakan oleh kerajaan.
16. Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan di Malaysia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah
- A Perkara 3.
 - B Perkara 11.
 - C Perkara 152.
 - D Perkara 153.

Soalan 17 adalah berdasarkan Pernyataan 1 di bawah.

Perayaan ini jatuh pada hari ke-15 selepas sambutan Tahun Baru Cina, iaitu bulan pertama Kalendar Cina. Perayaan ini juga dikenali sebagai "Pesta Lampu" memandangkan lampu-lampu akan dinyalakan pada sebelah malam sebagai aktiviti utamanya.

Pernyataan 1

17. Pernyataan 1 di atas merujuk kepada

- A Chap Goh Mei.
- B Perayaan Kuih Bulan.
- C Perayaan Ching Ming.
- D Perayaan Hantu Lapar.

18. Apakah kepentingan agama kepada sesebuah masyarakat?

- i. Melahirkan nilai-nilai murni.
- ii. Mengukuhkan sifat perkauman.
- iii. Membangunkan sesebuah tamadun.
- iv. Menggalakkan semangat perpaduan.

- A i, ii
- B ii, iii
- C i, iii, iv
- D ii, iii, iv

19. Asas-asas penting dalam hubungan sesama manusia dalam Islam adalah seperti yang berikut:

- i. Bersahabat.
- ii. Bekerjasama.
- iii. Berkasih sayang.
- iv. Berkenal-kenalan.

- A i, ii
- B ii, iii
- C ii, iv
- D iii, iv

20. Masyarakat Sikh di Malaysia mengamalkan perayaan yang berikut, iaitu:

- A** Vasakhi.
- B** Ponggal.
- C** Deepavali.
- D** Thaipusam.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

1.




Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan Sistem Pembesar Empat Lipatan semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

- a. Namakan sistem pembesar berlabel X. (2 Markah)
- b. Berikan **dua (2)** jawatan pembesar dalam 1 (a). (2 Markah)
- c. Terangkan tugas mana-mana **dua (2)** jawatan pembesar dalam 1 (b). (2 Markah)
- d. Jelaskan **dua (2)** faktor kemerosotan Kerajaan Melayu Melaka. (4 Markah)

2.

**Rajah 2**


Rajah 2 menunjukkan pendudukan kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu. Catatan sejarah menunjukkan negara ini telah diduduki kuasa-kuasa asing.

- a. Namakan kuasa asing berlabel X yang telah menjajah Tanah Melayu.
(1 Markah)

- b. Terangkan **dua (2)** faktor kemenangan kuasa asing berlabel X semasa menakluk Tanah Melayu.
(4 Markah)

- c. Beberapa kesan penjajahan telah ditinggalkan oleh penjajah di Tanah Melayu. Senaraikan **lima(5)** kesan penjajahan tersebut.
(5 Markah)

3.



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan jenis-jenis integrasi di Malaysia yang menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia.

- a. Berdasarkan Rajah 3, apakah X? (1 Markah)
- b. Nyatakan **dua (2)** contoh jenis integrasi yang melibatkan X? (2 Markah)
- c. Senaraikan **tiga (3)** ciri integrasi nasional di Malaysia. (3 Markah)
- d. Jelaskan **dua (2)** kepentingan integrasi bagi masyarakat majmuk di Malaysia. (4 Markah)

4.



Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan rusuhan kaum yang pernah terjadi di negara Malaysia iaitu Peristiwa 13 Mei 1969.

- a. Senaraikan **dua (2)** punca perpecahan kaum yang menyebabkan Peristiwa 13 Mei 1969. (2 Markah)

- b. Jelaskan **dua (2)** kesan perpecahan kaum kepada rakyat Malaysia. (4 Markah)

- c. Jelaskan **dua (2)** kepentingan perpaduan kaum di Malaysia. (4 Markah)

5.



Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan tempat ibadat bagi agama-agama utama di Malaysia.


- a. Berdasarkan rajah 5, senaraikan **empat (4)** agama-agama utama di Malaysia.

(2 Markah)
- b. Terangkan **dua (2)** faktor manusia memerlukan agama dalam kehidupan.

(4 Markah)
- c. Jelaskan **dua (2)** kepentingan menghormati agama - agama lain di Malaysia.

(4 Markah)

6.



Rajah 6

Rajah 6 menunjukkan asas-asas hubungan Islam di Malaysia.

- Namakan X. (1 Markah)
- Senaraikan **tiga (3)** contoh aktiviti yang boleh dilakukan untuk membina hubungan pada Rajah 1 (a). (3 Markah)
- Berikan **dua (2)** cabaran yang dihadapi oleh masyarakat majmuk untuk mencapai perpaduan. (2 Markah)
- Jelaskan **dua (2)** langkah memupuk perpaduan kaum di Malaysia. (4 Markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

1. Rukun Negara telah diwujudkan disebabkan Peristiwa 13 Mei 1969. Rukun Negara ini kemudiannya menjadi ideologi dan pegangan kepada warganegara Malaysia sehingga kini. Huraikan **lima (5)** prinsip yang terdapat dalam Rukun Negara berserta contoh.

(20 Markah)

2. Agama merupakan satu institusi yang amat penting dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Oleh itu, pelbagai jenis agama yang telah dianuti oleh rakyat Malaysia. Huraikan **lima (5)** bentuk toleransi agama yang boleh diamalkan oleh masyarakat majmuk untuk memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat dapat dikekalkan.

(20 Markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT